

RINGKAS

Lupus barang tiruan RM4.6 juta

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur melupuskan pelbagai barangan tiruan menggunakan jenama antarabangsa bernilai RM4.6 juta, semalam.

Pengarahnya Ariffin Samsudin berkata, nilai rampasan itu membabitkan 235 kes sejak Januari tahun ini hingga semalam.

Katanya, antara barangan dilupuskan adalah beg tangan, jam, kerongsang, topi, kasut, baju, minyak wangi dan lain-lain.

"Semua kes terbabit sudah selesai menjalani proses mahkamah dan mendapat kebenaran untuk dilupuskan.

"Ia membabitkan rampasan ke atas pelanggaran kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur, di sini, semalam.



PEGAWAI KPDNHEP melupuskan barangan yang dirampas.